



Tak kenal, jangan layan Kandungan Berjenama

Nurshafika Suhaimi - Januari 25, 2023 @ 5:44pm

KES penipuan atau kejadian 'scam' secara dalam talian di Malaysia dilihat semakin meningkat sejak penggunaan internet yang lebih meluas oleh rakyat.

Sepanjang tahun 2020 hingga Mei 2022 yang lalu, terdapat 71,833 kes jenayah komersial berlaku yang melibatkan kerugian sebanyak RM5.2 billion.

Sebanyak 48,850 kes atau 68 peratus daripada jumlah terbabit adalah jenayah komersial yang membabitkan penipuan dalam talian.

Kemunculan pakar jenayah siber menggunakan pelbagai taktik dalam mengeksploitasi teknologi juga merupakan punca utama melibatkan penipuan perdagangan dalam talian, penipuan jualan, penipuan e-mel perniagaan dan penipuan SMS.

Melihat isu jenayah siber yang kian meningkat, penjenayah kini ternyata mempunyai cara-cara yang sangat canggih untuk menipu pengguna hingga taktik mereka sukar dikenal pasti.

Peningkatan ini dilihat juga sebagai kesan sampingan kelemahan masyarakat terutama golongan belia dan warga emas terhadap kesedaran mengenai jenayah siber.

Mangsa penipuan bukan sahaja rugi dari segi kewangan tetapi boleh juga mengalami tekanan psikologi yang amat ketara.

Oleh itu, anda perlu mengenal pasti jenis-jenis penipuan baharu yang digunakan untuk memperdaya pengguna hari ini.

Penipuan Mesej

Penjenayah atau penggadam siber menggunakan modus operandi dengan menghantar mesej dan menyamar sebagai institusi dipercayai seperti bank untuk mempengaruhi mangsa supaya memberi PIN, kata laluan atau maklumat peribadi yang lain.

Sebahagian penjenayah bertindak menelefon mangsa menyatakan bahawa mereka mempunyai pinjaman tertunggak atau akaun bank mereka telah digunakan bagi tujuan jenayah. Kemudian, penjenayah ini akan menyuruh mangsa bertindak mengikut kehendaknya.

Sekiranya pengguna mengalami situasi seperti ini, pihak bank menggalakkan pengguna untuk segera menghubungi bank yang berkaitan untuk mendapatkan pengesahan.

Jangan sekali-kali berkongsi One Time Password (OTP) dan secureTAC dengan sesiapa sahaja kerana ini secara tidak sengaja akan memberi akses kepada penjenayah ke dalam akaun anda.

Profil palsu

Pada suku kedua 2022, Facebook melaporkan mereka telah mengeluarkan lebih 1.4 bilion akaun palsu daripada laman mereka setelah mengesahkan akaun-akaun tersebut adalah palsu.

Kebiasaannya, penjenayah akan menyamar sebagai ejen pencari kerja dengan gambar profil syarikat yang relevan bagi meyakinkan pengguna.

Kemudian, penjenayah akan mula menghantar mesej menawarkan pekerjaan dengan gaji lumayan sehingga mangsa terpedaya.

Anda digalakkan untuk berwaspada dan elakkan daripada berkongsi butir-butir peribadi dengan 'ejen' tersebut. Sebagai langkah pertama untuk menjamin kesahihan akaun, anda boleh semak sama ada akaun tersebut telah disahkan dengan "Blue Tick".

Jika anda masih curiga, anda boleh meminta 'ejen' tersebut untuk mengesahkan diri dengan berkongsi butiran pekerjaan mereka seperti profil syarikat.

Anda juga digalakkan menghubungi Pusat Panggilan syarikat tersebut untuk pengesahan seterusnya.

Tips yang disenaraikan merupakan salah satu cara paling cepat untuk menyemak kesahihan akaun dan profil.

Walau bagaimanapun, pengguna dinasihatkan untuk membuat semakan yang lebih lanjut sebelum membuat sebarang keputusan atau perkongsian agar tidak terjerat dalam penipuan-penipuan ini.

Pautan Mencurigakan

Apabila melayari internet, pastikan anda tidak menekan atau klik pada pautan mencurigakan yang diterima melalui e-mel atau akaun media sosial peribadi seperti Facebook, WhatsApp atau Twitter.

Pautan seperti ini dikhuatiri mengandungi Malware atau Spyware yang berkemungkinan berisiko untuk mendedahkan butiran peribadi pengguna termasuk butiran-butiran akaun bank.

Paling penting, pastikan anda melayari aplikasi atau portal rasmi syarikat berkenaan terutamanya apabila melakukan aktiviti perbankan dalam talian.

Jangan kongsi maklumat peribadi

CIMB memandang serius isu keselamatan data pengguna dan sentiasa komited untuk memastikan pengguna dimaklumkan tentang penipuan atau kejadian 'scam' dalam talian agar pengguna terlindung daripada menjadi mangsa penipuan.

Bank menekankan kepentingan pengguna mengambil langkah berjaga-jaga, menyemak semula alamat laman web sebelum melakukan sebarang transaksi dan jangan berkongsi maklumat peribadi melalui telefon atau e-mel.

Sekiranya berlaku penipuan, pengguna dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah berikut:

1. "Awat, Fikir dan Blok" apabila menerima panggilan, mesej atau e-mel daripada pihak yang tidak dikenali.
2. Amalkan peraturan tiga saat untuk mengenal pasti sama ada panggilan itu tulen atau mencurigakan.
3. Segera laporkan dan maklumkan bank tentang caj atau pindahan wang tanpa kebenaran dengan menghubungi talian hotline yang tersedia 24 jam oleh bank.
4. Minta pihak bank untuk menyahaktifkan kad anda atau membekukan akaun anda buat sementara waktu sehingga anda memperoleh butiran kad atau log masuk baharu.
5. Seterusnya, pastikan peranti mudah alih yang dibenarkan dalam aplikasi perbankan anda adalah tepat.
6. Akhir sekali, tukar kata laluan anda dengan segera.

Untuk lebih banyak tip kekal selamat dalam talian dan mengelakkan penipuan, layari laman web rasmi CIMB Bank.